

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RMK 458 - Amalan Profesional

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) "Seseorang yang berdaftar di bawah Akta ini seharusnya mengendalikan dirinya supaya menjunjung kewibawaan, nama baik dan reputasi profesyennya".

Klausa 26, Bahagian IV - "Code of Professional Conduct", AKTA PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN, 1967.

Bincangkan klausa di atas dengan tumpuan terhadap nilai intrinsik seorang ahli profesional.

(15 markah)

- b) Jelaskan sebab-sebab di sebalik klausa 30, Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 yang melarangkan sebarang pengiklanan untuk penawaran perkhidmatan Juruukur Bahan.

(10 markah)

2. "Bidang-bidang kos pembinaan, komunikasi pembinaan dan pengurusan pembinaan merupakan kawasan masalah besar untuk sesuatu majikan di dalam projek-projek pembinaan; pihak juruukur bahan berkanun ialah pakar yang telah dilatih khas untuk mengatasi masalah-masalah tersebut".

Bincangkan ulasan di atas dengan tumpuan khas terhadap peranan serta perkhidmatan seorang Juruukur Bahan dengan:

- a) majikan atau pihak klien
b) para konsultan yang lain dan
c) pihak kontraktor

Andaikan projek yang dimaksudkan itu melibatkan pembinaan sebuah Hotel bertaraf antarabangsa yang beranggaran di dalam lingkungan \$50 juta.

(25 markah)

3. a) Firma anda telah pun dilantik untuk memberi perkhidmatan iktisas ukur bahan untuk sebuah projek Pangsapuri Mewah yang beranggaran \$25 juta. Pihak majikan berkehendakan projek itu disiapkan secepat mungkin memandangkan iklim hartanah yang agak menggalakkan. Anda dikehendaki menyediakan suatu laporan lengkap tentang jenis-jenis kaedah 'procurement' yang boleh digunakan untuk projek tersebut. Jelaskan juga bagaimana peperangan yang wujud di Teluk dapat menjejaskan prosedur tender untuk projek ini.

(19 markah)

- b) Dengan menggunakan panduan gambarajah, jelaskan dengan ringkas tentang suatu struktur organisasi pejabat yang sederhana (bilangan pekerja - 30 orang) yang boleh menampung kehendak projek seperti tersebut di atas.

(6 markah)

4. a) "Dokumen-dokumen untuk kontrak-kontrak pembinaan selalunya merangkumi lukisan-lukisan, spesifikasi, syarat-syarat kontrak, bil-bil kuantiti, borang tender, surat-menyurat yang bersabit dengan penerimaan tender serta surat penerimaan tender".

Bincangkan ungkapan di atas dengan penumpuan terhadap pendekatan untuk menyediakan suatu dokumen tender yang lengkap dan sempurna yang berpandukan bil-bil kuantiti. Nyatakan dengan jelas fungsi dan format bil kuantiti serta fungsi dan status "Standard Method of Measurement".

(15 markah)

- b) Jelaskan prosedur-prosedur yang harus diikuti untuk proses tender sehingga ke tahap pemberian tapak kepada pihak kontraktor. Anda digalakkan menggunakan gambarajah di dalam jawapan anda.

(10 markah)

5. a) Huraikan tentang peranan lengkap seorang Juruukur Bahan di tahap pembinaan dan dengan terperinci nyatakan prosedur-prosedur yang harus diikuti untuk kegiatan-kegiatan tersebut:

- i) Penilaian sementara
- ii) Penaksiran pindaan kerja (variation works)
- iii) Akaun terakhir

Andaikan anda sedang berkhidmat sebagai Penolong Juruukur Bahan di sebuah firma perunding Ukur Bahan dan projek pembinaan menggunakan kontrak berpandukan 'Bills of Firm Quantities'.

(16 markah)

- b) Dengan ringkas, jelaskan tentang peranan seorang Juruukur Bahan di dalam
- i) proses timbangtara
 - ii) penyediaan laporan projek terbengkalai
 - iii) kes undang-undang sebagai saksi pakar

(9 markah)

oooOOooo